

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2003/2004**

September/Oktober 2003

RAK 442 – Sejarah dan Teori Seni Bina 2

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **LIMA** soalan. Jawab **TIGA** soalan dari **BAHAGIAN A** dan **TIGA** soalan dari **BAHAGIAN B**.

BAHAGIAN A: Jawab Soalan 1 (**WAJIB**) dan pilih **DUA** soalan lain. (50 MARKAH).

1. Berdasarkan **gambarajah** di bawah:

	Eksekutif	Legislatif	Judisiari
Rekabentuk	A	B	C
Teknologi	D	E	F
Pengurusan Binaan	G	H	J

Terangkan dengan contoh seni bina, mana-mana tiga hubungkait di atas.

(10 markah)

2. (a) Apa definisi kuasa?
(b) Apakah fungsi kuasa dalam menjana mana-mana seni bina di kawasan Laut Teduh?
(c) Apakah had penentuan kuasa ini dalam penghasilan seni bina?
(d) Bagaimanakah kuasa ini dapat memanfaatkan seluruh bumi?

(20 markah)

3. (a) Apakah perbezaan di antara peranan pemerintah dan kerajaan dalam penghasilan seni bina?
(b) Apakah perbezaan di antara seni bina **OLEH** dan **UNTUK** kerajaan di kawasan Laut Teduh.
(c) Apakah perbezaan di antara seni bina **OLEH** dan **UNTUK** pemerintahnya.
(d) Apakah perbezaan di antara seni bina **OLEH** dan **UNTUK** rakyatnya?

(20 markah)

... 2/-

4. (a) Lakarkan gambarajah perkembangan tamadun mengikut kitaran benar dan tidak benar.
- (b) Dudukkan satu tamadun Melayu, Cina ATAU India di dalam gambarajah di atas.
- (c) Apakah pelajaran utama yang didapati dari tinda-tindih ini?
- (d) Bagaimanakah pelajaran ini boleh dimanfaatkan dalam penghasilan seni bina kini.

(20 markah)

5. (a) Apakah peranan pentadbiran British di Malaya, dilihat dari bangunannya?
- (b) Bagaimanakah pentadbiran ini dilihat dari susunatur bandar?
- (c) Apakah perbezaannya dengan bangunan pentadbiran pasca Merdeka?
- (d) Apakah perbezaannya dengan bangunan pentadbiran kini?

(20 markah)

BAHAGIAN B: Jawab SEMUA soalan. (50 MARKAH).

6. Huraikan bagaimana sistem '*batch production*' dapat membantu arkitek mengolah stail reka bentuk yang tidak homogenous. Apakah perbezaannya dengan sistem '*mass production*' dalam industri binaan?

(15 markah)

7. Huraikan perbezaan antara konsep reka bentuk '*regionalisma*' dengan konsep reka bentuk '*sustainable*' berasaskan fokus pihak-pihak yang terlibat dalam industri binaan dalam menangani sesuatu model reka bentuk.

(15 markah)

8. Dalam Kuliah 1, satu perbincangan telah diadakan mengenai ciri-ciri sistem teknik binaan yang digunapakai di negara kita, yang berasal daripada tamadun barat. Huraikan kaitannya dengan sejarah teknik binaan tersebut (Hint: dari zaman Greek hingga '*universal*' dan sekarang).

(20 markah)

-ooo00ooo-